



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	11/4/2021	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# TNB bantu 100 artis veteran

Oleh EDDY HAMIDI

**PETALING JAYA** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi Kelab Kilat Kuala Lumpur (KKKL) menyalurkan sumbangan kepada 100 orang penggiat seni veteran tanah air baru-baru ini.

Yang Dipertua KKKL, Datuk Omar Sidek berkata, sumbangan kepada artis veteran itu diharap dapat meringankan beban mereka lebih-lebih lagi dalam keadaan negara yang kini terkesan akibat penularan Covid-19.

“Sudah setahun pandemik Covid-19 menyerang seluruh dunia dan kita (TNB) amat memahami banyak organisasi serta individu termasuk para penggiat seni yang hilang mata pencarian.

“Sebagai sebuah syarikat yang sentiasa dekat dengan masyarakat, TNB berharap sumbangan tersebut mampu memberikan sedikit sinar kepada penerima menjelang Ramadan nanti,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu majlis ringkas sumbangan itu yang dihadiri oleh beberapa penggiat seni termasuk Persatuan Artis Veteran Malaysia baru-baru ini.

Difahamkan, sumbangan yang julung kali dianjurkan oleh KKKL itu menyasarkan seramai 100 orang penggiat seni de-



**SEBAHAGIAN artis 90-an gembira menerima sumbangan dan bantuan daripada TNB menerusi KKKL di Kuala Lumpur baru-baru ini.**

ngan kos keseluruhan sebanyak RM100,000 dan sehingga kini seramai 30 individu telah pun menerima sumbangan masing-masing.

Sementara itu, wakil Persatuan Artis Veteran, Mac Ruhayu Mohd. Noor menyatakan kesyukuran serta mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan serta bantuan yang diberikan kepada golongan artis veteran.

“Saya mewakili artis 1990-an mengucapkan ribuan terima kasih kepada TNB kerana ber-sungguh-sungguh memberikan

bantuan dan sumbangan kepada kami para artis.

“Semoga segala perjalanan bisnes TNB dipermudahkan dan setiap warga kerja TNB dilindungi dan dirahmati-Nya,” katanya yang sebelum ini popular dengan lagu ‘Ditakdirkan Kita Bersama’.

KKKL merupakan badan kebajikan dan sosial terbesar di Asia Tenggara dengan bilangan 35,000 ahli yang memfokuskan kepada kegiatan yang bermanfaat seperti sukan dan aktiviti sosial yang dapat memupuk gaya hidup sihat serta mengeratkan